



## **KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**26 JUN 2021**

### **MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

#### **Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan**

Seperti yang diumumkan beberapa hari lepas, Kerajaan akan mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Secara kumulatifnya, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 95,539 pemeriksaan dan snap check COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota sebanyak 20,071.

Pada 25 Jun 2021, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan sebanyak 2,224 pemeriksaan ke atas kilang dan 11,680 premis perniagaan.

Daripada jumlah itu, lima (5) kilang dan 10 premis telah diarahkan tutup selain 12 tangkapan telah direkodkan kerana didapati melanggar arahan kerajaan dan SOP.

### **PKPD Penjara Kepayan, Kota Kinabalu, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Penjara Kepayan, Kota Kinabalu, Sabah.

KKM mendapati berlaku peningkatan kes apabila sebanyak 18 kes positif telah dikesan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Kepayan, Kota Kinabalu, Sabah berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menghalang penularan kes serta mengelakkan jangkitan kepada yang individu lain.

### **PKPD Tringkap, Cameron Highlands, Pahang**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Tringkap, Cameron Highlands, Pahang.

KKM mendapati berlaku peningkatan kes dalam tempoh dua minggu apabila sebanyak 70 kes telah dikesan hasil saringan ke atas 592 orang penghuni di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Tringkap, Cameron Highlands, Pahang berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk menjalankan pengesanan awal kes supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

### **PKPD Kilang Sawit Bell (termasuk perumahan kilang), Kinabatangan, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan terkini kes COVID-19 di Kilang Sawit Bell (termasuk perumahan kilang), Kinabatangan, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 157 ujian saringan dan 29 daripadanya dilaporkan positif COVID-19 dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kilang Sawit Bell (termasuk perumahan kilang), Kinabatangan, Sabah berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan dan tidak menjangkiti komuniti di luar.

### **PKPD Kampung Tuunon, Penampang, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Tuunon, Penampang, Sabah.

KKM mendapati berlaku peningkatan yang ketara apabila sebanyak lapan (8) kes telah direkodkan selepas 10 orang penduduk menjalani ujian saringan di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tuunon, Penampang, Sabah berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

### **PKPD kawasan sekitar Bandar Jerantut, Pahang**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di kawasan sekitar Bandar Jerantut, Pahang.

Dalam tempoh 15 hari sehingga 26 Jun 2021, terdapat 186 kes positif COVID-19 telah dilaporkan di sekitar bandar Jerantut selepas 421 orang penduduk menjalani ujian saringan.

KKM mendapati berlaku peningkatan yang ketara di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan sekitar Bandar Jerantut, Pahang berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat penularan jangkitan serta memastikan penduduk berisiko kekal berada dalam kawasan.

### **PKPD Kampung Perpaduan Ria 1, Kudat, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Perpaduan Ria 1, Kudat, Sabah.

KKM mendapati berlaku peningkatan apabila sebanyak sembilan (9) kes telah direkodkan selepas 10 orang penduduk menjalani ujian saringan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Perpaduan Ria 1, Kudat, Sabah berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **PKPD Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak 12 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil saringan ke atas 20 penghuni dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud, Sabah berkuat kuasa 28 Jun sehingga 11 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

**SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)**

## **Pelanjutan PKPD 2 lokaliti di Kota Belud, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kota Belud, Sabah yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti tersebut ialah:

- Kampung Tawadakan
- Kampung Kota Bungan

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 249 ujian saringan dan 35 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD dua (2) lokaliti di Kota Belud, Sabah bermula 28 Jun sehingga 11 Julai 2021.

## **Penamatan PKPD Kampung Indah, Nabawan, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Indah, Nabawan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 252 ujian saringan dan 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Indah, Nabawan, Sabah pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Kampung Manggis, Kuala Penyu, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Manggis, Kuala Penyu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 168 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Manggis, Kuala Penyu, Sabah pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Kampung Baru (SFI), Sipitang, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru (SFI), Sipitang, Sabah yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 248 ujian saringan dan 25 orang daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Baru (SFI), Sipitang, Sabah pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD 2 lokaliti di Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.

Lokaliti tersebut ialah:

- Taman Kinabutan Ria
- Simpang Inderasabah

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 102 ujian saringan dan 23 orang daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.



Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Kawasan Kampung Raja, Cameron Highlands, Pahang**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kawasan Kampung Raja, Cameron Highlands, Pahang yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.

Kawasan itu meliputi:

- Sungai Ikan
- Blue Valley
- Taman Matahari Cerah
- Taman Desa Corina
- Kampung Baru Kampung Raja

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 2,244 ujian saringan dan 24 orang daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kawasan Kampung Raja, Cameron Highlands, Pahang pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan Awal PKPD Kampung Sundang Laut, Sandakan, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sundang Laut, Sandakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 29 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 283 ujian saringan dan 10 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Sundang Laut, Sandakan, Sabah pada 27 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 95,539 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,393 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,071 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 735 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 705 individu dikompaun manakala 30 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (153)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (149)
- Tidak memakai pelitup muka (143)
- Tiada penjarakan fizikal (130)
- Membawa penumpang berlebihan (50)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (41)
- Aktiviti pusat hiburan (10)
- Premis gagal patuhi arahan (8)
- Lain-lain (51)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap dua (2) orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas enam (6) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak 208 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 10 aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 951 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 897 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Sanitasi Awam**

Semalam, sebanyak 169 operasi sanitasi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 67 zon merah, zon jingga (6) dan zon kuning (8).

Operasi sanitasi ini melibatkan 988 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 225 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 225 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 29,276 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 733 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 234,286 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 74 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 7,588 individu telah dikuarantin dan 223,871 orang dibenarkan pulang manakala 2,827 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 778 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (601), pemborong (147) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,505 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,488 premis mematuhi SOP manakala 17 lagi dikenakan kompaun.

**Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.**

**#StaySafeStayHome**

**#AmalkanKawalanKendiri**

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB  
MENTERI KANAN PERTAHANAN**